

## GAGS sebagai portfolio pelaburan

30 Disember 2014 12:23 AM

Like Google + 

**KUALA LUMPUR 29 Dis. – Golden Agro Plantation (Mukah) Bhd. (GAP), yakin potensi ekuiti ladang kelapa sawit di bawah Skim Penanam Golden Agro (GAGS) untuk dijadikan sebagai portfolio pelaburan bagi masyarakat tempatan.**



Datuk Allan Lim Kim Huat

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Allan Lim Kim Huat (**gambar**) berkata, sehingga Oktober 2014, sebanyak 1,186 tapak penanaman kelapa sawit dijual kepada orang ramai dan syarikat menyasarkan untuk menjual baki tapak dalam tempoh dua tahun.

Katanya, syarikat menjangkakan untuk selesai menanam kelapa sawit di kawasan 4.05 hektar tanah menjelang pertengahan 2015 dan pada Oktober lalu kira-kira RM38 juta telah dilaburkan dalam membangunkan ladang kelapa sawit GAP.

Tambah beliau, setiap tapak bersamaan dengan 0.1 hektar dan ditawarkan pada harga RM8,000 sekali gus membolehkan rakyat Malaysia mengambil bahagian dalam perniagaan ladang kelapa sawit yang sangat menguntungkan.

“GAGS dikawal dan diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan merupakan skim pelaburan yang selamat di Malaysia kerana ladang kelapa sawit adalah pelaburan berasaskan tanah dan komoditi

sumber makanan.

“Permintaan terhadap minyak kelapa sawit semakin meningkat di serata dunia dan ini memastikan masa depan yang cerah dan prospek jangka masa panjang yang hebat untuk industri ini,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Tempoh GAGS ialah 20 tahun walau bagaimanapun, pelabur boleh memindahkan hak mereka kepada pihak ketiga selepas setahun atau memilih untuk menjual balik petak tanah kepada syarikat pengurusan dan memperoleh 100 peratus modal mereka selepas lapan tahun.

Setelah skim itu mencapai tempoh matang, juruaudit bebas akan dilantik untuk menilai ladang tersebut seterusnya akan dijual dan hasil bersih daripada jualan tersebut akan diagihkan kembali kepada penanam.

Menurut beliau, skim itu menawarkan jaminan pulangan tujuh peratus bagi tempoh lima tahun pertama dengan bayaran yang dibuat sebanyak dua kali setahun.

Selepas tempoh tersebut, untuk 15 tahun yang seterusnya akan menerima 100 peratus daripada keuntungan bersih ladang yang telah diaudit.